

PM umum lokasi universiti

KOTA BAHARU: Pengumuman lokasi sebenar Universiti Darul Naim akan dilakukan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas semua persiapan untuk menubuhkan universiti itu selesai dilakukan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kementerianya kini dalam persiapan akhir bagi merealisasikan penubuhan universiti itu yang dijangka selesai tidak lama lagi.

"Pada September atau Oktober ini, kementerian menjangka dapat memutuskan siapa yang bakal menjadi Naib Canselor pertama universiti itu," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan perbincangan isu semasa di Dewan Utama Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian di sini, semalam.

Mustapa berkata, penempatan kampus induk universiti itu turut mengambil kira pelbagai kepentingan, termasuk kesesuaian lokasinya.

Katanya, pengambilan pertama pelajar ke universiti itu dijadual bermula Julai tahun depan dan semua pelajar akan ditempatkan di kampus sementara sambil menunggu kampus induk siap.

Beliau berkata, kementerianya juga sedang meneliti kursus yang bersesuaian dan kini sedang berbincang dengan pelbagai pihak termasuk ahli akademik. — Bernama